

musuh Islam yang sangat besar.

Untuk menghadapi segala gerak dan perbuatan munafikin moden yang siang malam bekerja untuk meruntuhkan perpaduan umat Islam ini, menurut pandangan kita, telah tibalah masanya bagi alim ulama Islam seluruhnya menegakkan jihad pada jalan Allah, berhimpun dan berkumpul memikirkan bahaya-bahaya yang dibawa oleh kaum munafikin yang meracun perasaan umat dengan jalan memecah-mecahkan perpaduan agama, melagakan di antara alim ulama dengan umat Islam, menghidupkan kebudayaan-kebudayaan musyrik yang bersifat kehindu-hinduan dan kebaratan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Ingatlah bahawa seluruh umat Islam yang beriman kepada Allah dan rasul-Nya bahawa mereka kelak akan ditanya di dalam hal ini.

\* \* \*

#### *Lajnah al-Fatwā*

Terbit daripada langkahan yang diambil oleh kerajaan Kelantan mengharamkan orang-orang sembahyang di masjid-masjid yang dibina daripada wang loteri, sebagaimana yang tersiar itu maka pihak-pihak yang bertanggungjawab dikatakan memandang langkah itu terlampau deras sangat diambil – tidak menunggu lagi natijah daripada persidangan yang dianjurkan oleh Pemegang Mohor Raja-raja Melayu untuk menentukan halal haramnya wang loteri digunakan kerana masjid dan binaan kerana sekolah-sekolah agama. Sementara itu Majlis Ulama Perak telah merayu kepada Majlis Raja-raja Melayu supaya memberi kata pemutus di dalam hal ehwal yang mengenai dengan perkara loteri.

Pendapat yang menghendaki supaya menunggu keputusan yang dirundingkan itu sebenar-benarnya menurut pendapat kita, hanya alasan untuk menegakkan benang basah jua. Persoalan loteri bukan baharu. Bertahun-tahun loteri berjalan dan untuk mengabui mata rakyat dengan tidak segan-segan ada pemimpin yang tidak mengerti duduknya persoalan hukumnya menepuk dada akan bersedia menanggung dosanya – iaitu



*Salah sebuah masjid yang comel di tanah air.*

#### *Masjid ialah lambang perpaduan umat Islam.*

satu perkataan yang tidak sedia akan terkeluar daripada mulut orang yang beriman sebab jika sabit haramnya bermakna ia telah mencabar hukum Tuhan.

Kesulitan-kesulitan untuk menfatwakan sesuatu dengan konkret adalah kerana kerajaan tidak mengambil berat dan tidak mau berusaha ke arah jalan yang lebih baik. 11 buah negeri di Persekutuan semuanya mempunyai mufti yang berkuasa memberi fatwa masing-masing di atas masalah-masalah yang ditanya. Mufti yang satu dengan yang lain pendapatnya berlainan – dan kerana itu selalu benar kita dapatiti tidak ada satu fatwa agama yang dapat dijalankan dengan sebulat suara – ertiinya satu fatwa bagi semuanya.

Cara-cara berlainan memberi hukum di dalam satu-satu masalah ini bukannya hanya merugikan masyarakat tetapi lebih

besar lagi bahayanya iaitu dengan sebabnya menjadi pemeluk-pemeluk Islam yang masih mentah, terutamanya pemuda-pemudanya, tidak gemar lagi membahas atau memikirkan sesuatu perkara yang mengenai agama. Mereka terasa benci melihat keadaan-keadaan yang sentiasa berlaku itu terutamanya pula apabila ada golongan-golongan yang menghendaki supaya jangan ada perpaduan di antara umat Islam supaya dapat mereka dengan mudahnya diperintah atau dipengaruhi.

Kita telah pernah memberi syor supaya Majlis Raja-raja Melayu melantik suatu *Lajnah al-Fatwā*; yang tugasnya memberi fatwa-fatwa agama bagi semua negeri-negeri di Persekutuan Tanah Melayu dengan mufti-mufti dari semua negeri menjadi anggota tertinggi. *Lajnah al-Fatwā* inilah sahaja yang boleh mengeluarkan fatwa-fatwa rasmi – tidak seperti sekarang tiap-tiap mufti masing-masing boleh dan memberi fatwa mereka sehingga fatwa-fatwa yang diberinya tidak cukup konkrit.

*Lajnah al-Fatwā* itu hendaklah mengkaji tiap-tiap masalah ini dari segala segi. Lebih dahulu hendaklah diadakan bahagian-bahagian untuk menentukan tenaga ahli. Umpamanya

ulama *ahl al-tafsīr* hendaklah hanya membentangkan sesuatu masalah di dalam perkara-perkara yang mengenai al-Qur'an dan perkaitannya dengan masalah yang hendak diberi fatwa padanya. Demikian juga ulama *ahl al-hadīth* hendaklah membahasnya daripada segi hadith, ulama *ahl al-fiqh* membahasnya dari segi fekah dan lain-lain.

Tetapi yang utama benar hendaklah dilantik tenaga ahli di dalam menerangkan perkara-perkara yang dibahas itu kerana tidak semua perkara yang dibahas itu telah pun ada hukumnya. Umpamanya kalau masalah yang ditanya mengenai sekatan beranak (*birth control*). Sebelum membahas persoalan itu ulama yang akan memberi fatwa hendaklah terlebih dahulu diterangkan berapa jenisnya, cara-caranya, kesannya kepada tubuh dengan luas. Untuk ini tidak boleh hanya semata-mata pandai-pandai ulama Islam sahaja tetapi lebih dahulu hendaklah tenaga ahli (*specialist*) di dalam perkara ini membentangkan masalahnya seluas-luasnya.

Sesudah ulama itu mengenal keadaannya maka baharulah dibahas dari berbagai-bagai segi, diqiyaskan atau ditamsilkan

Akan terbit!

Permit menerbitkannya sedang dipinta

# Masyarakat

**Surat khabar mingguan bertulisan Jawi sedang disiapkan untuk diterbitkan tidak berapa lama**

**lagi. Terbit tiap-tiap hari Jumaat; rupa baharu, bentuk baharu, cara baharu yang sesuai dengan**

**keadaan masa dan zaman. Akan mengandungi 20 muka, bidang 15x10. Harga senaskhah 30 sen.**

**Jaga maklumatnya.**

sesudah didapati muktamad maka baha'ulah disiarkan dengan keterangan-keterangan yang cukup dan hujah-hujah yang nyata yang terbit daripada penyelidikan yang saksama. Perkara ini tentunya tidak hanya dijawab “ini halal” itu “haram” – dengan sepatuh kata – tidak dengan memberi keterangan-keterangan.

Umpamanya sahaja kita hendaklah membahas lagi persoalan loteri kebaikan masyarakat itu. Kita tidak boleh terlebih dahulu memberi hukum kepadanya dengan menghukumkan ia halal kerana telah bercampur dengan barang-barang halal – sudah termasuk di dalam “Perbendaharaan Kerajaan” (Baitulmal).


Tetapi sewajibnya terlebih dahulu dikaji – bagaimana cara mengadakan loteri itu: susunannya , pertadbirannya galakannya dan kekal ia dijalankan – yakni bagaimana maksiatnya terus-menerus dibuat oleh sebuah kerajaan yang mengaku agama negara agama Islam.

Kemudian baharu menentukan hukum – apa bolehkah ia dimasukkan atau diqiyaskan kepada barang-barang haram yang putus hak milik padanya atau tidak – kerana maksiatnya telah berkepanjangan dan terus-menerus berjalan.

Perbahasan ini tentunya berhajat kepada luas pandangan tidak pakai ingat di kepalanya sahaja, dengan tidak lebih dahulu dikenalkan apakah ia sama rupanya atau jenisnya daripada barang yang putus hak milik.

Dengan cara yang jelas inilah sahaja kelak akan berfaedah *Lajnah al-Fatwā* diadakan. Tetapi kalau hanya membahas suatu perkara dengan tidak terlebih dahulu mengenal kepada barang yang akan dibahas dan hendak diberi fatwa itu maka keadaannya tentu sesia sahaja – tidak ada erti.

Sebab itu mustahak adanya *Lajnah al-Fatwā* itu mestilah didasarkan persoalannya kepada tenaga ahli, sekalipun terkadang-kadang tenaga ahli XXX<sup>1</sup> menerangkan sesuatu kedudukan itu bukan daripada orang Islam.



*Sebuah masjid di Timur Tengah. Menaranya yang menjulang tinggi, melambangkan kebesaran dan ketinggian Islam.*

Tetapi walau bagaimanapun selagi *Lajnah al-Fatwā* bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu tidak dapat diadakan maka selama itulah juga tidak akan dapat diharap mendapat kata-kata muktamad atau disambut oleh umum.

Dengan tidak adanya *Lajnah al-Fatwā* ini, walaupun nanti fatwa yang diambil oleh raja-raja Melayu daripada penasihat-penasihat agamannya akan disiarkan – jika didapati celah padanya, akan tidak diterima orang. Sebab itu persoalan loteri tidak mustahak menunggu daripada kata-kata Majlis Raja-raja Melayu, kalau fatwanya itu nanti tidak membawa alasan-alasan yang luas dan cukup hujah-hujahnya.

<sup>1</sup> Teks asal tidak jelas.